


SEJARAH KSSM TINGKATAN 1

BAB 3: ZAMAN PRASEJARAH

LATIHAN PENGUKUHAN

BAHAGIAN A : OBJEKTIF

1. Apakah maksud Zaman Prasejarah? (ms 46)
 - A. Manusia hidup secara nomad
 - B. Manusia tidak tahu membaca
 - C. Manusia hidup dalam kesejukan
 - D. Manusia belum mengenal tulisan
2. Zaman Batu Baru merujuk kepada (ms 46)
 - A. Zaman Paleolitik
 - B. Zaman Mesolitik
 - C. Zaman Neolitik
 - D. Zaman Logam
3. Apakah ciri-ciri Zaman Logam? (ms 47)
 - I Menetap di kawasan tanah tinggi
 - II Membuat peralatan daripada batu
 - III Menjalankan kegiatan berburu dan bertani
 - IV Menggunakan peralatan daripada gangsa dan besi
 - A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
4. Senarai berikut menunjukkan lokasi Zaman Prasejarah di dunia. (ms 48)



Lokasi Zaman prasejarah tersebut terletak di

- A. Turki
- B. China
- C. Britain
- D. Sepanyol

5. Mengapakah gua dipilih sebagai tempat kediaman oleh manusia Zaman Paleolitik?
(ms52)

- I. Boleh bercucuk tanam
 - II. Membekalkan sumber air
 - III. Selamat daripada binatang buas
 - IV. Melindungi daripada cuaca buruk
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

6. Mengapakah aktiviti pengumpulan makanan tidak lagi dilakukan pada Zaman Logam?
(ms 54)

- A. Hasil makanan berkurangan
- B. Manusia hidup berpindah randah
- C. Mematuhi arahan ketua masyarakat
- D. Kemajuan dalam bidang pertanian dan penternakan

7. Apakah kesan penempatan kekal manusia Zaman Neolitik? (ms 56)

- I. Mengamalkan animisme
 - II. Wujud sistem bermasyarakat
 - III. Aturan kehidupan yang lebih baik dibentuk
 - IV. Teknologi membuat logam semakin berkembang
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

8. Pernyataan berikut merujuk kepada kepercayaan manusia Zaman Prasejarah. (ms 57)

Mereka mempercayai setiap benda seperti batu dan pokok mempunyai semangat, iaitu jiwa dan roh orang mati.

Apakah kepercayaan tersebut?

- A. Animisme
- B. Penyembahan patung
- C. Kehidupan selepas mati
- D. Kepercayaan kepada Tuhan

9. Apakah perbezaan aktiviti pertanian pada Zaman Prasejarah dengan pada masa kini?
(ms 60)

- A. Keperluan sendiri
- B. Secara besar-besaran
- C. Melibatkan modal yang besar
- D. Penggunaan peralatan canggih

10. Pilih pasangan yang betul (ms 65)

	Zaman	Tapak
A	Logam	Gua Niah
B	Neolitik	Jenderam Hilir
C	Mesolitik	Lembah Mansuli
D	Paleolitik	Sungai Tembeling

11. Batu megalit telah ditemui di Pengkalan Kempas, Negeri Sembilan.

Apakah kesimpulan yang boleh dibuat daripada penemuan tersebut? (ms 69)

- A. Nilai kreatif dan inovatif
- B. Memanfaatkan sumber alam
- C. Batu penting dalam kehidupan
- D. Amalan kepercayaan dan ritual

12. Pada pendapat anda, mengapakah generasi muda pada hari ini perlu memelihara dan memulihara tinggalan Zaman Prasejarah ?

(KBAT)

- A. Mengukuhkan jati diri
- B. Sebagai rujukan pengkajian sejarah
- C. Memahami cara hidup zaman silam
- D. Menjadikan iktibar dalam kehidupan

13. Mengapakah kita perlu mengkaji kehidupan masyarakat pada Zaman Prasejarah? (KBAT)

I Mengumpulkan artifak

II Mempelajari teknologi zaman purba

III Memahami perkembangan tamadun manusia

IV Mencontohi kegigihan dan semangat berusaha

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan IV
- D. III dan IV